

24 OCT 1998

Tanah-Belanjawan

KEDAH MAJUKAN 14,000 HEKTAR TANAH TERBIAR DALAM PERUNTUKAN BELANJAWAN

ALOR SETAR, 24 Okt (Bernama) -- Kerajaan negeri akan memajukan 14,000 hektar tanah terbiar di Kedah sebagai kawasan ladang sejajar dengan keputusan kerajaan pusat menyediakan peruntukan sebanyak RM1.124 bilion untuk prasarana pertanian.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Makanan negeri Ahmad Lebai Sudin berkata, langkah itu bertujuan mempertingkatkan lagi hasil makanan, sekaligus mengurangkan pergantungan terhadap import makanan.

Hasil tanaman di negeri ini juga dijangka meningkat pada tahun depan dengan langkah kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM131 juta bagi subsidi padi tahun depan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Kawalan Lalat Buah peringkat negeri di sini, hari ini.

"Kenaikan harga padi sebanyak RM5.39 bagi setiap 100 kilogram pada tahun lepas tidak banyak memberi faedah kepada para petani, sehubungan itu subsidi padi dan harga padi yang diumumkan semalam merupakan langkah terbaik untuk meningkatkan pendapatan para petani," katanya.

Selain peruntukan RM1.124 bilion untuk prasarana pertanian, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pembentangan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat semalam turut mengumumkan peruntukan RM131 juta bagi subsidi padi iaitu tambahan RM22 juta serta memberi subsidi harga padi bagi menambahkan pendapatan petani yang melibatkan RM410 juta.

Ahmad berkata, pihaknya telah mengenalpasti beberapa kawasan tanah terbiar yang berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan tanaman ladang.

Katanya, kawasan berkenaan akan dimajukan dengan tanaman sayur-sayuran, kelapa sawit dan makanan ternakan seperti jagung yang kini terpaksa diimport.

Antara kawasan yang terlibat ialah di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seperti di Baling, Sik dan Padang Terap.

-- BERNAMA

MN AKD